

## PERISTIWA YANG MENGGEMPARKAN DI JUBLI INTAN SULTAN JOHOR

Sambutan Jubli Intan Sultan Johor pada 17 September yang lalu bukannya sahaja telah membawa suatu riwayat dalam sambutan yang sebegini besar tetapi juga telah membawa suatu riwayat pemboikotan oleh menteri-menteri Perikatan yang diulukan oleh Tengku Abdul Rahman, Ketua Menteri, kerana tidak puas hati dengan ucapan sultan yang berterang-terang menyatakan bahawa kemerdekaan yang dikehendaki dengan tergesa-gesa itu tidak ada maknanya dan nampaknya baginda khuatir bahawa kelak akan terlepas daripada mulut harimau termasuk mulut buaya.

Titah sultan ini harus dipandang oleh Tengku Abdul Rahman sebagai suatu titah yang menghalang cita-cita kemerdekaan rakyat yang sekarang meluap-luap di hati rakyat sedang sultan pula nampaknya memandang mengapa kerana cita-cita hendak merdeka itu mesti menghalau orang-orang Inggeris yang telah membangunkan negeri ini, padahal mereka telah memberi pengorbanan yang banyak. Manakah angkatan darat, angkatan udara dan angkatan laut untuk mempertahankan tanah air sekiranya kelak British keluar dari Malaya- British keluar orang lain yang masuk- demikian pendpaat baginda.

Pihak Perikatan pula sesudah kejadian itu dikatakan telah mengisyiharkan bahawa suatu cadangan (*motion*) akan dibawa supaya kelak apabila sultan hendak memberi ucapan di hadapan umum hendaklah terlebih dahulu ucapan itu diseman oleh badan pemerintahan. Langkah ini adalah dipandang oleh sebahagian pihak akan membawa suatu perbalahan kelak yang bakal merebak di antara sultan-sultan yang diiktiraf berkuasa oleh kerajaan British dengan puak-puak kebangsaan yang menuntut merdeka. Kesan yang demikian itu, kerana kegopohan langkah Tengku, harus kelak akan menerbitkan suatu puak di antara orang-orang Melayu yang menyokong sultan bersama-sama dengan kerajaan British dan satu puak kebangsaan yang akan disokong oleh orang-orang kiri.

Cara-cara ini, menurut pandangan setengah-setengah pihak, nampaknya pihak Perikatan (khususnya suara dari orang-orang UMNO) sesudah mendapat kemenangan dalam pilihanraya itu menghendaki tiap-tiap suatu itu hendaklah bercorak kepada apa yang dikehendaki oleh mereka sahaja. Pendapat ini memberi missal kejadian di Negeri Sembilan berkenaan dengan jawatan penasihat British yang dituduh “anti UMNO” dan jawatan ketua agama. Sifat “mengUMNOkan” jawatan-jawatan itu, sebelum lagi mendpaat sepenuh-penuh kemerdekaan, harus kelak jika merebak ke lain-lain bahagian akan menjadikan jawatan-jawatan itu hanya dipegang oleh orang-orang parti sahaja- tidak ditimbang lagi lepada kelayakan atau pengalaman. Cara ini jika dihajat dengan yang berlaku di Negeri Sembilan itu harus kelak bukannya membawa kesejahteraan kepada rakyat tetapi akan membawa bencana seperti yang berlaku di Indonesia dalam masa pemerintahan ‘Alī- ‘Ārifīn dahulu.

Juga sesudah pemboikotan berlaku suara lantang dari pejabat UMNO di Johor Bahru timbul untuk mengeruhkan lagi suasana yang dikeruhkan oleh Tengku dalam Sambutan Jubli Intan di Johor itu dengan mengadakan tuduhan-tuduhan bahawa pemangku menteri Besar, British Yadabais dan Dato’ Onn serta lain-lainnya telah mempengaruhi sultan supaya menyatakan pendapatnya yang tidak “diperkenani”

rakyat”, Tuduhan itu telah dinafikan masing-masing bagi orang-orang yang mengetahui tabiat Sultan Johor dalam pemerintahan maka segala tuduhan yang demikian itu tidak boleh didatangkan kerana telah lazim bagi baginda akan bercakap terus-terang kepada siapa pun dalam perkara-perkara yang tidak diperkenan oleh baginda. Kalau baginda ada di Johor, pegawai-pegawai kanan silih berganti dipanggil untuk ditanya kerja-kerjanya, diherdik dan seumpamanya jika tidak menuaikan kewajipan-kewajipannya. Sifat yang demikian ini tentulah tidak boleh ada seseorang lain yang bakal disalahkan atas ucapan baginda itu. Sebahagian orang memandang bahawa perbuatan-perbuatan tuduhan seperti yang datang dari orang-orang UMNO di Johor Baharu itu semata-semata tuduhan yang berlawanan dengan keadaan. Ia hanya tuduhan buta semata. Sebahagian orang-orang dalam hal ini, sangat berkenan kepada ulasan rencana pengarang *Singapore Standard* pada 19 September yang lalu seperti berikut:

“Sebelum habis bunyi tempikan meriam sebanyak 21 das kerana menghormatkan sultan pada hari Sabtu yang lalu dari dewan Istana Besar di Johor Baharu, Sultan Johor telah membidas orang-orang yang kuat menuntut kemerdekaan. Bidasan itu bergema diseluruh negeri dan menakjubkan

ahli-ahli kebangsaan. Satu sifat Yang Maha Mulia ialah ia tidak segan-segan menyatakan fikiran dan perasaannya berkenaan dengan sesuatu perkara jika ia mengambil berat akan perkara itu dan cara ia mengeluarkan cakap-cakap yang terang dan tepat itu menakjubkan orang-orang yang berperasaan halus dan banyak bicara. Yang Maha Mulia adalah terbilang antara orang-orang yang percaya bahawa kemajuan menuju kepada taraf perintahan sendiri itu eloklah dibuat perlahan-lahan dengan pertolongan dan lindungan British sehingga taraf itu dicapai. Perkataan-perkataan itu mengandungi makna bahawa orang-orang Tanah Melayu patutlah belajar berjalan dahulu sebelum mereka mencuba berlari deras. Hajat sultan ialah sekalipun mereka itu adalah sahabat dan pentadbir yang lebih baik daripada komunis. Apabila British menjawab hendak menerangkan hal ini orang berasa syak bahawa British berikhtiar kerana faedahnya sendiri dan terjadilah pertengkar dan pertelingkahan. Sementara beberapa banyak orang menaruh fikiran seperti Sultan Johor berkenaan dengan British, mereka itu takut hendak menyuarakan fikiran mereka kerana mereka takut diri mereka dipanggil pengkhianat oleh ahli-ahli kebangsaan (sambungan pada muka 45)



Tentera laut sedang berbaris menyambut Hari Jubli Intan Sultan Johor

sambungan pada muka (ba)

“Golongan-golongan kebangsaan berasa terharu mendengar fikiran

Sultan Johor tentang pergerakan merdeka. Kita rasa soal yang terutama dalam hal ini ialah bersatu dengan rukun demokrasi tentang kebebasan bercakap dan member

fikiran. Pihak kebangsaan dan komunis kedua-duanya, sentiasa sahaja bercakap soal menzahirkan fasal demokrasi. Baik Ultan baik rakyat, semuanya boleh menzahirkan fikiran dengan

bebas, jika demikian apa sebab patut orang berasa marah apabila

seorang sultan member nasihat, iaitu nasihat yang dipercayai olehnya sebagai nasihat yang betul kepada rakyat? Baik kita bersetuju atau tidak bersetuju dengan fikirannya itu

kita mestilah mengakui bahawa sultan berhak menzahirkan fikirannya, jika tidak demokrasi dalam negeri ini hanya jadi sandiwara sahaja sungguh menyediakan bahawa

anggota-anggota kerajaan Perikatan yang berpangkat tinggi yang



*Pegawai-pegawai agama yang dialukan oleh Dato' Mufti Johor sedang membaca doa istiadat Jubli Intan di Johor Baharu.*

perasaannya telah tersentuh itu tidak dapat menjaga adab

dan kesopanan manakala mereka memboikot majlis makan

malam. Orang ramai terperanjat melihat kelakuan merajuk dan tidak berpandangan luas yang ditunjukkan berkenaan

dengan satu istiadat negara yang penting seperti majlis makan malam Jubli intan itu.

“Penganjur-penganjur dalam negeri dipandang oleh ramai segi

orang yang akan menunjukkan tauladan adab tertib, diplomasi dan sikap lapang dada yang tinggi martabatnya, supaya dicontohi oleh rakyat. Boikot ialah satu senjata yang bermata dua, dan dia boleh tikamannya. Siapakah tahu bagaimana perasaan beribu-ribu orang Melayu, yang lama mempusakai adat istiadat Melayu, apabila mereka mendengar bahawa raja mereka kena tegur. perbuatan yang seperti itu harus melukakan hati mereka, terutamanya di negeri-negeri Melayu di mana rakyat masih mengakui raja-raja mereka dengan hormat dan mulia masalah-masalah dalam negeri ini sudahpun kusut dengan tidak[ayah ditambahkan lagi oleh kekusutan-kekusutan yang lain dengan mengambil sifat perkelahian sama sendiri. Dalam perjuangan yang sedang dijalankan sekarang kerana hendak membersihkan negeri ini

daripada pengganas komunis kata-kata sultan Johor terhadap sikap rakyatnya tidak mengambil berat dalam



*Universiti Lahore*

perjuangan melawan musuh patut disambut oleh kerana Johor ialah negeri di mana banyak sekali berlaku perkara-perkara cemas” katanya.

Katanya lagi “jika ahli-ahli kebangsaan menaruh keyakinan bahawa tiada siapapun yang boleh menahan kedatangan merdeka maka tiadalah sebab bagi mereka berasa panas kerana seorang sultan hendak member nasihat kepada mereka supaya bercermat....apa sebab ahli-ahli kebangsaan patut berasa begitu marah mendegar perkataan sultan tentang prang British? kerana orang British dikatakan tak lama lagi akan keluar mengapakah orang patut berasa sebegitu pedih tentang itu?

“Barang kali sultan Johor, lepas membuat sejarah selama lebih daripada 60 tahun, sekarang sudah mempunyai perasaan yang tajam berkenaan dengan sejarah dan dengan demikian ia sedar bahawa riwayat raja-raja Melayu sudah hendak tamat dan satu bab yang baharu dalam sejarah Tanah Melayu sedang mulai.

Kita menaruh harapan yang ikhlas bahawa penganjur-penganjur baharu, yang akan menetukan nasib negeri ini bagi masa hadapan, akan menanam perasaan sejarah dalam diri mereka supaya mereka sedar bahawa apa yang akan berlaku itu tidak dapat dielakkan dan eloklah mereka meneguhkan keyakinan kepada diri sendiri dan berkenaan dengan pandangan hati mereka dengan tidak payah menunjukkan kelakuan tak sabar menakala berhadap dengan perkara-perkara yang tak menyukakan hati.” Katanya.

Sekianlah pendapat Singapura Standard. Pendapat-pendapat yang kita dapati dari kejadian ini ada yang mengatakan bahawa langkah yang dijalankan oleh Tengku dengan perbuatannya itu tidak lain hanya bertujuan untuk mengubah arus pandangan orang kepada perkara kebangsaan jus soli dan masalah bahasa Cina. Kepada suatu perkara yang baharu supaya masalah yang besar itu terlindung di mata ramai orang-orang Melayu. Dengan adanya “rebut” kejadian di Johor itu boleh jadi hilang tumpuan perhatian umat Melayu kepada apa yang sebenarnya



*Tengku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu*

*sedang member ucapan tariah di hadapan Sultan Johor*

*dalam masa sambutan “Jubli Intan Berlian” Sultan Johor.*

dikhawatir mereka yang terbitkan oleh rakannya M.C.

A. yang terang-terang menghendaki kebangsaan jus soli berjalan dan bahasa Cina serta India dijadikan bahasa rasmi.

Di samping bahasa Melayu dan Inggeris, yang mana setelah melihat bantahan-bantahan yang kuat dan telah diredukan pula oleh Sir Cheng Lock Tan.

Sungguh jangan dilupakan bahawa tiaptiap sesuatu langkah yang lain itu kerap kali tali bertali di antara satu sama lain untuk memalingkan sesuatu perkara yang hendak dilindungkannya. Benar sungguh siyahit itu tipu muslihat dan berbelit-belit.